

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN BAGI PERBAHASAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019  
(BELANJAWAN 2019)**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI  
MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**19 NOVEMBER 2018**

**(ISNIN)**

# **(MUKADIMAH)**

Dato' Yang di-Pertua,

1. Saya ingin mulakan penggulungan ini dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 (Belanjawan 2019).
2. Agenda pembasmian kemiskinan serta penyediaan akses pendidikan berkualiti kepada semua adalah amat kritikal dalam usaha menyelesaikan pelbagai masalah sosial di negara kita, di mana ianya merupakan antara punca kepada gejala sosial kini.
3. Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM2,397,338,400 di mana pelbagai program bantuan kebajikan diteruskan secara lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah. Beberapa kadar bantuan Kerajaan telah dinaikkan serta diperluaskan agar lebih ramai golongan yang memerlukan layak menerimanya.

## (YB REMBAU)

Dato' Yang di-Pertua,

4. Sebanyak **12 pertanyaan** telah dibangkitkan oleh **9 Ahli Yang Berhormat** sepanjang sesi perbincangan kali ini.
5. Saya akan menjawab isu yang dibangkitkan oleh YB Rembau. Peruntukan sebanyak RM10 juta bagi penubuhan 50 buah TASKA di Bangunan Kerajaan bukanlah satu inisiatif *after thought*. Malah, ini merupakan peruntukan khusus pertama yang disebut dalam Belanjawan.
6. Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan sistem sokongan kepada wanita seperti menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja. Ia adalah satu kemudahan untuk ibu-ibu yang bekerja untuk memantau anak-anak mereka seterusnya menggalakkan wanita untuk terus dan kembali bekerja.
7. *Flexible Working Arrangement* (FWA) telah diperkenal dan dilaksanakan khusus kepada kakitangan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Namun begitu,

inisiatif ini dicadangkan untuk diperluaskan kepada semua Kementerian dan tidak terhad kepada kaum ibu sahaja. Ini adalah penting kerana tanggungjawab mengasuh anak dan keluarga adalah tanggungjawab bersama suami dan isteri dan bukannya untuk kaum wanita sahaja.

8. Bagi isu-isu lain yang telah dibangkitkan, Timbalan Menteri saya telah pun memberi penjelasan semasa penggulungan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada 30 Oktober 2018.

## **(YB LANANG)**

Dato' Yang di-Pertua,

9. Izinkan saya menjawab dua isu yang telah dibangkitkan oleh YB Lanang.
  
10. Kementerian menyambut baik dengan peraturan pemasangan kerusi keselamatan bayi (*baby car seat*) yang dijangka dikuat kuasa mulai tahun 2020 dan memahami berhubung isu kemampuan rakyat B40 untuk membeli kerusi keselamatan bayi tersebut. Walaupun Kementerian tidak menyediakan subsidi secara terus bagi tujuan ini, melalui Belanjawan 2019, Kerajaan telah mengumumkan penambahbaikan kadar pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada golongan B40.
  
11. Kadar tambahan BSH sebanyak RM120 akan diperkenalkan untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah (terhad kepada 4 orang tetapi tidak terhad bagi kanak-kanak OKU). Tambahan BSH ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti hidup keluarga B40

khususnya dari segi keperluan asas bagi anak-anak mereka termasuk kerusi keselamatan bayi sekiranya memerlukan.

12. Kementerian pada masa yang sama, ingin memberi cadangan kepada industri penjualan kereta terutama kereta tempatan agar dapat menawarkan pakej-pakej yang mesra keluarga dengan memasukkan kerusi keselamatan bayi sebagai *sagu hati* atau *free gift*, selain daripada rebat dan pakej-pakej lain sedia ada. Cadangan ini turut dicadangkan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya di peringkat Kerajaan Negeri.
13. Kerajaan turut menyediakan bantuan kewangan bulanan di bawah Bantuan Kanak-Kanak (BKK) kepada keluarga yang berada di bawah pendapatan Paras Garis Kemiskinan (PGK). Objektif bantuan ini adalah untuk membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan bagi memastikan mereka boleh berdikari dan boleh menjaga anak-anak mereka dengan lebih baik.
14. YB Lanang, Kementerian sememangnya menggalakkan penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) sebagai salah satu sistem sokongan kepada keluarga terutamanya wanita agar mereka dapat bekerja dan menyumbang kepada negara. Saya

menyokong cadangan daripada YB dan akan memastikan penubuhan taska di Parlimen dapat direalisasikan memandangkan Parlimen adalah tempat bermulanya penggubalan Dasar dan Perundangan Negara. Selain itu, saya juga berharap agar pembinaan atau sebarang penambahbaikan ini mengambil kira elemen reka bentuk sejagat (*universal design*) agar dapat dimanfaatkan oleh warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak.

15. Kementerian telah berbincang dengan pihak Parlimen dan bersedia untuk menyediakan ruang TASKA bagi anak-anak kakitangan Parlimen, ahli-ahli Parlimen serta wartawan yang bertugas setelah ruang yang bersesuaian dikenal pasti.

## **(YB LEMBAH PANTAI)**

Dato' Yang di-Pertua,

16. YB Lembah Pantai, dalam berhadapan dengan pelbagai isu sosial di negara kita, kesedaran tentang Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial adalah amat penting terutamanya kepada golongan remaja. Kepesatan penggunaan Internet dan teknologi telah menyebabkan golongan remaja didedahkan dengan pelbagai maklumat yang boleh menyebabkan keruntuhan moral seperti seks bebas, pornografi yang melibatkan kanak-kanak dan sebagainya sekiranya tidak dikawal atau dipantau.
  
17. Dalam tempoh tahun 2012 hingga 2017, seramai 779,895 peserta telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program PEKERTI@komuniti, PEKERTI@sekolah dan PEKERTI@intitusi yang menyasarkan pelajar sekolah, ibu bapa dan remaja di Institusi JKM. Pada tahun 2019, Kementerian akan memperluaskan program PEKERTI dan KafeTEEN di kawasan komuniti serta menumpukan kepada kawasan berdasarkan kes-kes sosial yang kerap dilaporkan.

18. Capaian kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif termasuk perancang keluarga diberikan Kerajaan melalui klinik dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, klinik Nur Sejahtera di bawah LPPKN dan melalui FHRAM (*Federation of Reproductive Health Association of Malaysia*) serta klinik swasta.
  
19. Sebanyak 19.6 peratus kadar wanita yang ingin menjarakkan dan mengehadkan kehamilan tetapi tidak mengambil apa-apa pencegahan kehamilan, Kementerian akan meneruskan usaha melaksanakan program *outreach* kepada kumpulan sasar melalui 15 unit Pusat Keluarga Bergerak dan 50 Klinik Nur sejahtera yang terdapat di seluruh negara. Perkhidmatan dan kaedah perancang keluarga sedia ada seperti pemberian kondom, pil perancang, suntikan hormon, implan dan alat dalam rahim (IUD) akan diteruskan.
  
20. Selain itu, program *outreach* seperti program Mamogram, HPV dan Pap Smear tetap diteruskan. Sejak tahun 2006 hingga 2017 seramai 864,590 wanita telah menerima manfaat melalui program ini.

## **(YB RANTAU PANJANG)**

Dato' Yang di-Pertua,

21. YB Rantau Panjang, Kementerian mengambil pendirian tidak menyokong hubungan seks di luar perkahwinan (*abstinence*). Ini selaras dengan ajaran semua agama yang menentang perbuatan ini.
22. Namun begitu, usaha memberikan kesedaran kepada ibu bapa, termasuk remaja yang hamil luar nikah supaya tampil ke hadapan tanpa rasa bimbang atau takut untuk mendapatkan perlindungan tetap diteruskan. Ini bagi mengelakkan kes kematian ibu muda dan bayi yang dilahirnya seperti yang dilaporkan baru-baru ini berulang.
23. Program kemahiran keibubapaan seperti Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA), Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE), dan SMARTSTART akan terus diadakan bagi memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

24. Kempen kesedaran secara meluas akan diadakan di kawasan *hotspot* di setiap negeri yang mempunyai kes hamil luar nikah atau kes pembuangan bayi yang tinggi. Kementerian menggalakkan kerjasama yang erat antara pihak Kerajaan dengan NGO. Maklumat berkaitan perkhidmatan seperti rumah perlindungan dan *baby hatch* disediakan dalam bentuk risalah dan disebarikan melalui media sosial.
  
25. Manakala bagi menangani kes penderaan kanak-kanak khususnya dalam perkhidmatan yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak, Kerajaan dalam perancangan untuk membangunkan Sistem Daftar Kanak-kanak bagi memudahkan proses pendaftaran, penyeliaan, intervensi dan pemantauan terhadap kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.
  
26. Di samping itu, Kerajaan kini sedang dalam usaha membangunkan satu sistem semakan terhadap senarai pelaku jenayah terutamanya yang melibatkan keganasan dan kesalahan seksual. Untuk itu, Kementerian dengan kerjasama MAMPU sedang berkolaborasi dengan Mahkamah, pihak PDRM, Penjara dan lain-lain agensi berkaitan menggunakan kepakaran serta sumber sedia

ada bagi membangunkan sistem tersebut. Melalui sistem ini, pihak sekolah, institusi kanak-kanak, TASKA, pusat jagaan atau pengusaha bas sekolah boleh mengemukakan permohonan semakan sebelum pengambilan kakitangan atau pekerja bagi memastikan individu yang mempunyai rekod sabitan jenayah tidak diambil bekerja dalam industri yang berkaitan dengan kanak-kanak.

27. Dalam merangka penyelesaian yang holistik bagi isu-isu yang melibatkan kanak-kanak di negara ini, Kementerian sedang dalam proses penyediaan Peta Laluan Kesejahteraan Kanak-Kanak. Buat masa ini, penyediaan Peta laluan ini telah pun melibatkan lima (5) Kementerian termasuk Kementerian ini, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Dalam Negeri.
28. Peta Laluan ini merupakan satu pelan tindakan yang komprehensif, merangkumi penglibatan semua agensi Kerajaan yang terlibat bagi memastikan kanak-kanak diberi peluang mengembangkan potensi sepenuhnya lalu membuka masa depan yang cerah.

## **(YB RASAH & YB ALOR SETAR)**

Dato' Yang di-Pertua,

29. Seterusnya saya ingin menjawab isu Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri yang telah dibangkitkan oleh YB Rasah dan YB Alor Setar.
  
30. Pelaksanaan Insentif Khas i-Suri merupakan satu bentuk pelaksanaan persediaan pelan persaraan secara bersasar yang mana bagi Fasa 1, sebanyak RM40 sebulan diberikan kepada wanita dan suri rumah dari kumpulan miskin dan miskin tegar yang berdaftar di bawah eKasih. Ini adalah dengan syarat ahli i-Suri mencarum sekurang-kurangnya RM5 sebulan secara sukarela ke dalam akaun KWSP suri rumah.
  
31. Kementerian menyambut baik cadangan YB Rasah supaya insentif Kerajaan dinaikkan kepada RM80 sebulan dan cadangan YB Alor Setar untuk memperluaskan insentif ini kepada golongan M40.

32. Walau bagaimanapun, kedua-dua cadangan ini akan melibatkan implikasi kos yang tinggi kepada Kerajaan dan boleh dikaji semula dan dipertimbangkan setelah kedudukan kewangan negara lebih stabil.

## **(YB PASIR MAS)**

Dato' Yang di-Pertua,

33. YB Pasir Mas, penyelia dan petugas Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan sukarelawan daripada komuniti setempat yang membantu Orang Kurang Upaya (OKU) mengembalikan kefungsi sosial dengan menekankan aspek pengesanan serta intervensi bersesuaian yang diberi bayaran elaun.
  
34. Dalam memberikan perkhidmatan ini, penyelia PDK diberi elaun sebanyak RM1,200.00 sebulan manakala petugas PDK sebanyak RM800.00 sebulan. Kementerian memahami terdapatnya keperluan untuk meningkatkan kadar elaun kepada penyelia dan petugas PDK. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengemukakan permohonan bagi menaikkan kadar elaun PDK kepada Kementerian Kewangan. Namun, Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa kenaikan kadar ini masih belum dapat dipertimbangkan buat masa ini selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mengawal perbelanjaan awam.

35. Memandangkan PDK kini yang berstatus pertubuhan, maka Jawatankuasa PDK yang terdiri daripada pemimpin dan masyarakat tempatan juga perlu lebih kreatif dalam mencari dana agar tidak bergantung kepada agihan geran daripada kerajaan semata-mata.
  
36. Bagi menjawab soalan YB Pasir Mas, Kementerian melalui JKM telah menyediakan Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM400 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang sedang bekerja dengan pendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai insentif supaya mereka terus bekerja. EPC telah dikaji dan dinaikkan kadarnya sebanyak lima (5) kali bermula pada tahun 1999, 2001, 2008, 2015 dan kali terakhir pada tahun 2018. Untuk makluman, skim ini merupakan skim bantuan kebajikan paling kerap dinaikkan kadarnya berbanding tujuh (7) skim bantuan bulanan yang lain.

## **(YB PADANG TERAP)**

Dato' Yang di-Pertua,

37. YB Padang Terap, Kerajaan sedar mengenai isu pendidikan awal kanak-kanak di bawah usia 6 tahun. Bagi kanak-kanak berumur di antara 0 hingga 4 tahun, kanak-kanak akan ditempatkan di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), manakala kanak-kanak yang berumur di antara 5 hingga 6 tahun akan ditempatkan di Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA). Kedua-dua institusi ini dikawal selia oleh Kementerian dan Agensi yang berlainan dan tertakluk di bawah Akta yang berbeza.
  
38. Kerajaan mempunyai rancangan ke arah menggabungkan semua institusi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Bagi Mengawal Selia Secara Bersepadu Penubuhan dan Operasi Institusi Pendidikan Awal Kanak-kanak Di Malaysia. Jawatankuasa ini telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Jemaah Menteri dan dipengerusikan bersama oleh Kementerian ini dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

39. Antara objektif penubuhan Jawatankuasa Khas ini adalah untuk merintis penubuhan badan khas yang mempunyai kuasa eksekutif untuk memantau pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak, menyelaraskan dan mengawal selia semua institusi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, tanpa meminggirkan hak dan tanggungjawab sedia ada setiap Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.
  
40. Dalam masa terdekat ini, saya akan mempengerusikan satu mesyuarat yang akan melibatkan semua Kementerian berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak.

## **(YB PARIT SULONG)**

Dato' Yang di-Pertua,

41. YB Parit Sulong, Kementerian telah mempunyai perancangan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Wanita Negara (MTWN) bagi memperkasa wanita dalam semua sektor pembangunan termasuk dalam bidang ekonomi di semua peringkat masyarakat sehingga ke akar umbi.
42. Kerajaan juga memberi penekanan terhadap pencapaian 30% wanita dalam pembuat keputusan melalui pembentukan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Pelan ini telah menggariskan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik sebagai salah satu sektor daripada 13 sektor yang disenaraikan.
43. Penglibatan 30% wanita dalam kepimpinan merupakan satu *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.
44. Rekod terkini menunjukkan wanita sebagai Ahli Dewan Rakyat adalah seramai 32 orang daripada 222 orang iaitu 14.41%

berbanding seramai 23 orang iaitu 10.4% bagi sebelum ini. Manakala untuk ahli Dewan-Dewan Undangan Negeri pula adalah seramai 57 daripada 505 orang iaitu 11.3% berbanding 58 daripada 505 kerusi DUN iaitu 11.5%. Di peringkat pencalonan pula, bagi Dewan Undangan Negeri terdapat seramai 68 orang wanita atau 9.9% yang telah menjadi calon berbanding jumlah keseluruhan 687 calon yang bertanding. Bagi peringkat parlimen pula, terdapat seramai 131 calon wanita yang bertanding atau 8.5% daripada jumlah keseluruhan 1,549 keseluruhan calon.

45. Sebagai makluman, di antara wanita yang memegang jawatan penting dalam sesebuah organisasi adalah seperti Dr. Hasnita Hashim sebagai Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus sebagai Gabenor Bank Negara.
  
46. Menerusi belanjawan ini, Kerajaan tidak lupa akan kepentingan untuk memperkasa wanita. Antara perkara bersasar yang diberikan tumpuan dalam belanjawan ini adalah dengan menyediakan sistem sokongan dalam bentuk penjagaan anak di tempat kerja dengan memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi tujuan penubuhan taska di tempat kerja. Usaha ini dapat

membantu mengekalkan dan meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita.

## **(PENUTUP)**

Dato' Yang di-Pertua,

47. Kementerian ini menghargai semua cadangan, input dan persoalan yang telah dikemukakan oleh semua Yang Berhormat sepanjang perbahasan berhubung Belanjawan ini. Sememangnya Kerajaan mengambil berat dengan segala kerisauan yang diutarakan dan adalah azam kami untuk sentiasa membantu semua kumpulan sasar di bawah Kementerian ini agar berdaya upaya dan dilindungi, tanpa sebarang prejudis atau diskriminasi.
  
48. Akhir kata, ingin saya tekankan di sini bahawa bagi menangani semua isu keluarga dan sosial yang timbul, semua pihak lelaki dan wanita, ibu dan bapa termasuk masyarakat sekeliling perlu lebih prihatin dalam memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Terutama bagi melindungi wanita kerana wanita itu merupakan seorang anak, isteri dan ibu.

49. Oleh yang demikian, usaha ini semuanya bermula dengan setiap ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dan semoga usaha kita semua diberkati oleh Tuhan.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.